

SESI DIALOG - SESI LIBAT URUS HASiL BERSAMA DENGAN DEWAN/PERSATUAN PERDAGANGAN

MALAYSIA TAHUN 2025

27 OGOS 2025 (RABU)
MENARA HASiL CYBERJAYA

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
1.	Number Forecast Operators (NFO) Saya mewakili industri nombor ramalan. Menurut arahan HASiL, semua jualan jumlah RM10,000 dan ke atas perlu dikeluarkan e-Invois. Kami ingin meminta HASiL mempertimbangkan perkara ini kerana lalu lintas di kaunter jualan amat tinggi menggunakan wang tunai. Ia merupakan cabaran untuk mengumpul maklumat pembeli untuk mengeluarkan e-Invois. Adakah had ambang e-Invois bagi kemenangan operator nombor ramalan (nfo) boleh dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM50,000?	HASiL mengambil maklum atas permohonan berkenaan. Sebelum ini, Number Forecast Operators (NFO) dibenarkan menyatukan invois untuk kemenangan di bawah RM50,000. Namun susulan kepada pengumuman oleh Kerajaan melalui Kenyataan Media HASiL bertarikh 5 Jun 2025, transaksi yang melibatkan nilai amaun melebihi RM10,000 perlu dikeluarkan bagi setiap transaksi oleh semua industri. Oleh itu, pembeli perlu mengemukakan maklumat bagi membolehkan penjual mengeluarkan e-Invois. Bagi transaksi jualan tiket di kaunter yang mempunyai nilai kurang daripada RM10,000, ia masih boleh dikeluarkan secara e-Invois disatukan. Pada masa ini, ambang RM10,000 dikekalkan untuk memastikan keseragaman antara semua industri.

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
2.	Number Forecast Operators (NFO) Kami ingin memohon semua jualan disatukan dalam sebaris dalam satu e-Invois tanpa tiap-tiap transaksi dimuat naik dalam Portal HASiL.	NFOs perlu memaparkan semua nombor resit seperti dinyatakan di bawah Perenggan 3.6.3 Garis Panduan Spesifik e-Invois bagi tujuan mengeluarkan e-Invois disatukan.
3.	Number Forecast Operators (NFO) Cabaran bagi NFO's untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri untuk pembayaran kemenangan melebihi RM10,000.00.	Berdasarkan pengumuman oleh Kerajaan melalui Kenyataan Media HASiL bertarikh 5 Jun 2025, transaksi yang melibatkan nilai amaun melebihi RM10,000 perlu dikeluarkan bagi setiap transaksi oleh semua industri. Oleh itu, pembeli perlu mengemukakan maklumat bagi membolehkan penjual mengeluarkan e-Invois. Walau bagaimanapun, e-Invois yang disatukan adalah tidak dibenarkan. Tempoh kelonggaran interim juga diberikan selama enam (6) bulan bagi setiap pembayar cukai dalam pelaksanaan e-Invois.
4.	National Association of Malaysian Life Insurance and Family Takaful Advisors (NAMLIFA) <i>When is the e-Invoice implementation for association.</i>	Pelaksanaan e-Invois tidak bergantung pada jenis entiti atau jenis perniagaan, tetapi bergantung sepenuhnya pada ambang hasil (revenue threshold) entiti berkenaan.

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
		Persatuan perlu merujuk kepada ambang hasil mereka sendiri untuk menentukan fasa pelaksanaan e-Invois yang relevan untuk mereka seperti yang digariskan dalam perenggan 1.5 Garis Panduan e-Invois. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memberikan pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada pembayar cukai yang mempunyai perolehan atau pendapatan tahunan kurang daripada RM500,000.
5.	PIKOM (Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia) <i>HASiL MyInvois Portal does not provide any search/lookup function to verify whether a company has implemented e-Invoice, or whether it is already supposed to have implemented as at the current date.</i> Adakah fungsi carian awam untuk menyemak status keperluan e-Invois bagi sesebuah perniagaan akan disediakan?	Pada masa ini, HASiL tidak menyediakan sebarang saluran atau fungsi carian untuk orang awam menyemak sama ada sesebuah syarikat telah mencapai ambang yang memerlukan mereka mengeluarkan e-Invois. Pematuhan untuk mengeluarkan e-Invois adalah tanggungjawab syarikat itu sendiri untuk membuat semakan. Syarikat perlu menentukan tarikh pelaksanaan mandatori berdasarkan perenggan 1.5 Garis Panduan e-Invois. Perolehan atau hasil tahunan untuk pelaksanaan e-Invois akan ditentukan berdasarkan perkara berikut:

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
		1. Pembayar cukai dengan penyata kewangan teraudit: Berdasarkan perolehan atau hasil tahunan yang dinyatakan dalam penyata pendapatan komprehensif dalam penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan 2022. 2. Pembayar cukai tanpa penyata kewangan teraudit: Berdasarkan hasil tahunan yang dilaporkan dalam penyata cukai bagi tahun taksiran 2022. HASiL memahami kebimbangan yang dibangkitkan oleh pihak industri, khususnya daripada sudut pandang pembeli (individu) yang mungkin tidak pasti sama ada penjual wajib mengeluarkan e-Invois apabila diminta. Pihak HASiL sentiasa memantau pematuhan syarikat-syarikat berkenaan dan akan mengambil langkah sewajarnya dari semasa ke semasa.
6.	PIKOM (Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia) <i>If a supplier who is already mandated fails to issue e-Invoices, the buyer may be left without valid documentation</i>	Pembayar cukai boleh menggunakan e-Invois atau dokumen sedia ada (resit, invois, bil dan sebagainya) sebagai

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASIL
	- <i>directly exposes buyer to the risk of not being able to claim deductible expenses in their tax return, even though the fault lies with the supplier, not the buyer.</i>	dokumen sokongan bagi tujuan tuntutan perbelanjaan dalam pengiraan cukai. Pada masa ini, tiada peruntukan undang-undang yang menyatakan bahawa e-Invois mesti dikemukakan bagi tujuan tuntutan perbelanjaan tersebut. Pematuhan untuk mengeluarkan e-Invois adalah tanggungjawab penjual / pembekal itu sendiri untuk membuat semakan. Kegagalan mengeluarkan e-Invois merupakan suatu kesalahan di bawah perenggan 120(1)(d) ACP 1967 dan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak lebih daripada RM20,000 atau penjara tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya sekali, bagi setiap ketidakpatuhan.
7.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan e-Invois bagi pembayaran tol harian menggunakan pelbagai kaedah pembayaran (RFID, Debit Card, Touch 'N Go)?	Jika terdapat permohonan e-Invois bagi tujuan penggunaan tol harian (termasuk apa-apa kaedah bayaran), pengguna tol boleh membuat permohonan e-Invois kepada syarikat konsesi tol berkaitan melalui platform yang disediakan. Pelaksanaan e-Invois bagi syarikat konsesi tersebut adalah berdasarkan kepada garis masa pelaksanaan. Jika tiada

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
		permohonan e-Invois daripada pengguna tol, syarikat konsesi akan mengeluarkan e-Invois disatukan. Pada masa ini, pembayar cukai masih boleh menggunakan dokumen sedia ada (resit / invois / bil) atau e-Invois bagi tujuan tuntutan perbelanjaan.
8.	Gabungan Kesatuan-kesatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia Apakah rancangan HASiL untuk memberi pendidikan dan mendidik penjaja dan peniaga kecil (PMKS) dalam kategori fasa 4 dan 5 mengenai pelaksanaan e-Invois?	HASiL secara berterusan menjalankan program-program kesedaran dan pendidikan berkaitan e-Invois bagi memberi manfaat sepenuhnya kepada pembayar cukai dalam memastikan kesediaan pelaksanaan e-Invois bagi perniagaan atau organisasi masing-masing terutama sekali Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). HASiL turut melaksanakan Program Jelajah Mega e-Invois di seluruh Malaysia melalui pendekatan turun padang secara bersemuka ke premis pembayar cukai untuk mendekati komuniti PMKS, bagi menyampaikan maklumat, memberi penerangan serta menyediakan khidmat sokongan mengenai pelaksanaan e-Invois.

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
		Inisiatif utama yang diperkenalkan oleh HASiL bagi menyokong pelaksanaan e-Invois ialah Portal MyInvois, iaitu platform rasmi secara percuma untuk pembayar cukai menjana, menyimpan dan menyerahkan e-Invois kepada HASiL dan terkini adalah MyInvois e-POS iaitu platform digital <i>Point-of Sale</i> (POS) secara percuma yang dibangunkan khas untuk PMKS yang mencatatkan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM750,000. Kedua-dua platform ini dibangunkan bagi memastikan tiada PMKS yang tertinggal dalam pelaksanaan e-Invois, dan ia boleh diakses tanpa kos tambahan oleh semua pembayar cukai yang layak. Bagi memberikan panduan dan pendidikan berkaitan pelaksanaan e-Invois, HASiL memberikan: a. Sesi taklimat dan demonstrasi Portal MyInvois secara percuma di seluruh negara;

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
		b. Kaunter perkhidmatan di semua Pejabat HASiL untuk bantuan penggunaan Portal MyInvois dan MyInvois e-POS; c. Pusat khidmat pelanggan dan khidmat nasihat untuk bantuan penggunaan Aplikasi MyInvois serta MyInvois e-POS bagi memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif ini. Pendekatan ini menunjukkan komitmen HASiL untuk menjadikan pelaksanaan e-Invois sebagai satu usaha kolektif antara kerajaan dan komuniti PMKS, dengan memberi penekanan kepada pendidikan, sokongan teknikal dan komunikasi berkesan. HASiL turut bersifat terbuka untuk sebarang sesi libat urus bersama persatuan sebagai usaha kerjasama sebagai sokongan melancarkan pelaksanaan e-Invois bagi PMKS. Sebagai maklumat tambahan, HASiL turut menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASiL
		pelaksanaan e-Invois. Pembayar cukai dinasihatkan untuk menghubungi saluran khas e-Invois yang disediakan oleh HASiL bagi mendapatkan bantuan khidmat nasihat berkenaan pelaksanaan e-Invois.
9.	Malaysian Petrochemicals Association (MPA) Dengan perluasan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), adakah akan ada hubungan silang (interlink) antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan HASiL melalui penggunaan e-Invois dan penyata SST sebagai rujukan audit?	Di bawah subseksyen 138(4) ACP 1967, maklumat pengemukaan e-Invois ini juga dikongsikan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk tujuan pematuhan di peringkat JKDM. HASiL juga akan terus bekerjasama rapat dengan pihak JKDM bagi memastikan penyelarasan yang berkesan. Tanggungjawab melaporkan kepada pihak berkewajipan seperti JKDM dan lain-lain adalah masih sama dan tertakluk kepada undang-undang sedia ada masih terpakai.
10.	Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (BUMIPEDA) Mengapakah tempoh pengesahan perbelanjaan atau permintaan e-Invois dihadkan kepada 30 hari walaupun dokumen cukai perlu disimpan selama 7 tahun?	Had 30 hari adalah untuk kemampuan meminta e-Invois dalam bulan semasa dan tidak boleh melangkau ke bulan berikutnya. Rasionalnya adalah untuk tidak membebankan penjual yang mengeluarkan e-Invois. Penjual perlu membuat invois terkumpul (consolidated invoice) selepas tutup bulan dalam masa 7 hari pada bulan berikutnya.

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASIL
		Dari segi amalan untuk mendapatkan rekod pembelian, perniagaan seperti biasa masih kekal. Pembeli masih boleh mendapatkan resit biasa untuk tujuan penyimpanan dokumen selama 7 tahun. Walau bagaimanapun, untuk rejim e-Invois, tidak ada keperluan bagi penjual untuk mengeluarkan e-Invois selepas 30 hari. Jika ada permintaan resit dalam tempoh 30 hari, syarikat akan mengemukakan maklumat terkumpul setiap bulan.
11.	<i>SMEs and Traders compliance to e-Invoice, suggestion to use the e-Wallet app (TNG, Grab, MAE, Setel) for sales receipts and suppliers payments to be conducted via e-Wallet and upload e-Invoice to LHDN.</i>	Pembayar cukai yang membekalkan perkhidmatan / menjual barang perlu mengeluarkan e-Invois mengikut garis masa mandatori mereka. Sekiranya penyedia e-dompet menawarkan perkhidmatan atau mengenakan caj, mereka perlu mengeluarkan e-Invois. Namun, jika ia hanya melibatkan penyelesaian pembayaran, e-Invois tidak diperlukan. Bagi PKS dan peniaga yang mengurus niaga melalui platform e-dagang, kewajipan untuk mengeluarkan e-Invois adalah di bawah tanggungjawab platform e-dagang tersebut bagi pihak penjual dan pembeli.

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASIL
12.	BUMITRA Malaysia Isu paling besar syarikat pelancongan ialah bagaimana e-Invoice boleh menguruskan pelbagai lapisan cukai (Tourism Tax, State Tax, SST) tanpa berlaku <i>double reporting</i> dan tanpa membebankan.	Cukai yang perlu dikemukakan dalam medan jenis cukai adalah SST. Manakala bagi cukai pelancongan (tourism tax) dan <i>state tax</i> boleh diletakkan di dalam item baris e-Invois tersebut. Tanggungjawab melaporkan kepada pihak berkewajipan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan lain-lain adalah masih sama dan tertakluk kepada undang-undang sedia ada masih terpakai. Maklumat pengemukaan e-Invois ini juga dikongsikan kepada JKDM untuk tujuan pematuhan di peringkat mereka.
13.	Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (BUMIPEDA) i) Pengusaha stesen minyak masih tidak jelas berkenaan e-Invois khusus berkenaan dengan perbelanjaan. Adakah semua transaksi perlu ada e-Invois kerana taklimat awal menyatakan keperluan syarikat minyak adalah jualan sahaja. ii) Bagi perbelanjaan yang dibuat di mana pembekal tidak berdaftar e-Invois, pihak kami perlu membuat <i>self billing e-</i>	i) Tanggungjawab untuk mengeluarkan e-Invois tertakluk kepada penjual barangan/ penyedia perkhidmatan. Dalam keadaan tertentu, sepertimana dinyatakan dalam perenggan 8.3, Garis Panduan Spesifik e-Invois, pembeli memainkan peranan sebagai penjual untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri. Sebagai contoh, jika terdapat pembelian barangan daripada pembekal luar negara, pembeli Malaysia perlu mengeluarkan e-Invois bil sendiri.

BIL.	SOALAN / ISU E-INVOIS	MAKLUM BALAS HASIL
	<i>Invoice</i> bagi perbelanjaan itu atau tidak, dan hantar melalui portal Mytax? iii) Wujud isu e-Invois untuk stesen minyak di mana nilai pada resit jualan minyak bersubsidi yang diterima oleh pelanggan tidak sama dengan nilai yang tertulis pada e-Invois. Ini memberi maklumat yang salah pada pendapatan sebenar.	ii) Tiada keperluan kepada penjual untuk mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi merekodkan perbelanjaan jika pembekal / penjual masih belum melaksanakan e-Invois secara mandatori. Pembeli boleh menggunakan dokumen sedia ada bagi tujuan tuntutan perbelanjaan. iii) Pengeluar e-Invois oleh stesen minyak kepada pembeli adalah berdasarkan harga sebenar jualan minyak (selepas kadar subsidi). Seterusnya stesen minyak bertanggungjawab mengeluarkan e-Invois kepada pihak berwajib bagi amaun subsidi tersebut.